nis kerepek, asam, kacang, kuih raya dan pelbagai jenis makanan ringan pada harga borong.

Antara produk mereka yang popular seperti kerepek ubi, kerepek ubi pedas basah dan kering, kerepek pisang salai goreng, kerepek tortilla, kerepek tempe sagu, kerepek ubi perisa tomato serta kuih cincin Sabah.

Terdapat dua cawangan Azhar Food Supplier iaitu di Rengit dan satu lagi di Jalan Padi Emas 6/2, Bandar Baru Uda, Johor Bahru.

Selepas melawat Azhar Food Supplier, Ahmad melawat Pusat Memproses Makanan FAMA Rengit.

Dalam lawatan itu, beliau dibawa melihat Kilang Pemprosesan Roselle dan Produk-

produk Agromas seperti seri kaya madu, Ready to drink (RTD) durian belanda, limau kasturi dan roselle, kordial roselle, jem belimbing, nanas dan roselle.

Ahmad turut diberi pendahlan berkaitan aktiviti membina dekor bunga roselle (membang biji) untuk pengedaran bunga roselle bagi tujuan eksport.

PM urges farmers to consider agrotourism

TANGKAK: The Sengkang Batu 18 area near Bukit Gambir here can be developed into a one-stop agrotourism centre, Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin tells a group of farmers.

The farmers here welcomed Muhyiddin, who is Pagoh MP and Gambir assemblyman, to their farms and briefed him about the projects in the area, said Tan Chee Kiong, a secretariat member of the Batu 18 and 19 Sengkang 1 Grisek Cluster Farming project.

"This area is suitable to be developed as an agrotourism destination as we have a mushroom factory in Grisek, 202.34ha of padi fields and 242ha of leafy vegetable garden.

"The famous Gunung Ladang has a resort and this area has the potential to be developed as an agrotourism destination centre," he said after the Prime Minister's visit yesterday.

Tan pointed out that Muhyiddin advised the farmers to create a one-stop centre where visitors could gain experience doing farming work at the farms.

"Visitors can harvest the vegetables and cook them. We are also looking into making souvenirs such as shirts and hats as memorabilia for them," he said.

He said the group had 30 members who planted 16 various types of vegetables and fruits, including papayas, bananas and guavas.

Tan added that farmers in the



It's a wrap:

Muhyiddin packing chives during a visit to Sheng Ta Plantation Sdn Bhd near Sengkang Batu 18 in Bukit Gambir, Tangkak, as Tan (left) looks on.
— THOMAS YONG/The Star

area were able to produce about 48,000 metric tonnes of leafy vegetables per year with a gross income of RM50mil, excluding fruits and palm oil.

"They usually send most of the produce to Melaka, parts of Johor, Kuala Lumpur and Kuantan while the remaining 10% would be exported to Singapore.

"About 80% of our supplies go straight to the hypermarkets while the balance will be supplied to the wholesale markets," he added.

At another event, Muhyiddin said the government's efforts to fix Felda was important to restore the rights of its more than two million settlers.

He said when Perikatan Nasional took over the nation's administration, one of the objectives was to fix and rehabilitate Felda.

"This is not a small issue, which is why the government must take steps to save and return the rights back to the settlers.

"If the land belongs to them, we will give it back to them. If previ-

ously the company is public-listed, we will return it as a private company," he said in his speech during a meeting with local community leaders at Felda Sri Jaya here.

He added that measures taken by the government were through Felda Special Task Force chairman Tan Sri Abdul Wahid Omar and Felda chairman Datuk Seri Idris Jusoh.

In October, Felda issued RM9.9bil sukuk and took back 351,000ha it leased to FGV Holdings Bhd under its new recovery plan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/12/2020	THE STAR	NATION	2

Farmers: Expect 15% drop in supply due to wet weather

JOHOR BARU: Farmers in Sengkang Batu 18 near Bukit Gambir say vegetable production is expected to drop by 15% by the end of December if the weather remains as damp as November.

Tan Chee Kiong, secretary of a group of farmers there, said vegetable production in October was 170 tonnes and 160 tonnes in November.

"I expect it to see a further drop if the rainy season continues. The cost to produce vegetables remains the same as the price of fertilisers and soil has not increased.

"However, we are unable to sell some of our produce as it turned bad due to the weather," he said.

Johor Nursery Association vice-president Darren Tan said the floods that hit Muar in August affected the production of flowers around the area.

"We have about 150 nurseries under our association and about 70% of them are in Muar. When the district was hit by floods, it affected production of flowers for the whole state and country too, as Muar has among the highest number of nurseries in the country.

"Flower production is typically affected if floods persist for five days or more," he said.

Deputy Agriculture and Food Industries Minister (I) Datuk Seri Ahmad Hamzah said the ministry was investigating and evaluating losses suffered by farmers and fishermen due to the rainy season.

Speaking to reporters after visiting the Permas Jaya fresh market here yesterday, he said this was to enable those affected to receive aid from the government.

"Affected farmers and fishermen should also report to the relevant agencies so that we can provide the necessary assistance," he said.

Federation of Malaysian Vegetable Farmers Association president Lim Ser Kwee said the wet spell coupled with lack of labour had affected production.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/12/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Minda Pengarang

MOHAMAD AZLAN JAAFAR



Ternak ikan dalam bendang ubah nasib pesawah

KETIKA kecil, salah satu keseronokan ketika balik ke kampung ialah menangkap ikan di kawasan bendang. Hanya dengan joran buluh buatan sendiri dan berumpun cacing atau belalang, menangkap ikan di sawah atau tali air menjadi kemestian.

Ikan haruan, ikan puyu, ikan keli, ikan seluang, dan ikan sepat memenuhi bendang dan tali air. Tidak dihiraukan langsung sama ada ular. Penghilang dahaga air dari buah nipah. Hari ini, kegiatan memancing di bendang semakin hilang. Kebanyakan sawah hari ini menggunakan racun dan baja yang tinggi, sekali gus "membunuh" hidupan air. Bendang yang penuh bahan kimia tidak lagi sesuai untuk pembiakan "tidak formal ikan".

Tiada siapa terfikir menjadikan sawah tempat pembiakan ikan. Pesawah bergantung sepenuhnya kepada padi. Ketika musim banjir atau serangan penyakit, mereka menanggung kerugian besar. Taraf hidup pesawah tidak berubah. Dengan pembahagian tanah, lot sawah mengecil dan tidak mempunyai skala ekonomi.

Ini berbeza di China, pengeluaran beras terbesar di dunia. Terdapat 33 juta hektar kawasan sawah di negara itu. Ia mengeluarkan 30 peratus daripada keseluruhan padi dunia. Malah 65 peratus daripada rakyatnya berjumlah lebih 1.4 bilion bergantung kepada nasi.

Tetapi sejak awal tamadun China, rakyatnya melihat potensi kawasan bendang dan penternakan ikan. Malah kegiatan memelihara ikan di kawasan sawah bermula sejak Dinasti Han iaitu kira-kira 100 AD atau 100 Masihi. Budaya padi-ikan yang bermula kira-kira 2000 tahun dahulu masih diamalkan hari ini. Bermula di kawasan berbukit ia berkembang ke kawasan rata. Sebab utama, kekurangan ikan segar. Lebih penting, pulangan projek padi-ikan dalam sawah lebih baik berbanding hasil padi itu sendiri.

Hari ini dianggarkan 25.3 juta hektar kawasan sawah sesuai di China sesuai untuk pembiakan ikan. Dianggarkan hasil ikan di sawah boleh mencapai antara 225kg hingga 750kg untuk setiap hektar. Malah dianggarkan hari ini, ladang padi-ikan di China menghasilkan 25 peratus daripada keseluruhan ikan yang ditenak di dalam sangkar.

Pendapatan jutaan pesawah meningkat dan keluar daripada tahap kemiskinan ketika masih menjadi pesawah. Ada ladang padi-ikan memberikan pulangan sehingga AS\$4,000 untuk setiap hektar dengan hasil seperti ikan "carb" dan udang galah.

Malaysia mempunyai kira-kira 670,000 hektar kawasan sawah. Kenapa ia tidak digunakan untuk projek padi-ikan. Banyak tempat digali dijadikan kolam ikan sedangkan kawasan bendang ialah "kolam" semula jadi.

Kerajaan perlu melihat ini sebagai cara meningkatkan taraf hidup ribuan pesawah. Bantuan dan penyelidikan perlu disediakan bagi menggalakkan ladang padi-ikan. Kalau ia diamalkan lebih 2000 tahun lalu dan berjaya di China, kenapa tidak di Malaysia. Ia lebih baik daripada berterusan memberi subsidi. Pepatah menyatakan lebih baik "memberi joran daripada memberi ikan". Menggalakkan padi-ikan memberi pesawah padi, ikan, joran dan kehidupan yang lebih baik dalam petak sawah yang sama.

Mohamad Azlan Jaafar ialah Pengarang
Kumpulan Media Mula Sdn Bhd.

14/12/2020

THE
STAR

NATION

6

Expect vegetables to appear smaller due to lack of sunlight

GEORGE TOWN: As Malaysia gets colder and wetter due to the La Nina weather phenomenon, consumers can expect vegetables to look a bit compact.

A vegetable producer and distributor here, who wanted to be known as Ashraf, said while crop yields would somewhat remain the same, crop sizes would be smaller.

"Due to the rainy season, we are not getting much sunlight and this has reduced the level of photosynthesis in the plants.

"They will be smaller, especially cabbages. Other crops are growing at a slower rate as well, like lettuce and pumpkins.

"Before the rainy season, we could pick big, crunchy heads of cabbage and consumers will only buy a few heads for cooking.

"Due to the weather, the cabbages we grow now are smaller and buyers, especially those in the food business, need to buy more," the 40-year-old said yesterday.

In a weather review for December

to May, the Malaysian Meteorological Department said most global weather models showed La Nina was ongoing and expected to last until May.

La Nina (Little Sister in Spanish) is a wet weather phase when cooler-than-normal water circulates in the Pacific Ocean around the equator, bringing with it colder and wetter weather as opposed to El Nino (Little Brother), which causes droughts.

Vegetable produce wholesale

dealer Datuk Kang Peng Weng said rainfall and winds were stronger a few weeks ago which affected crop production.

"But as there were no floods and our weather gradually improved, crop yields are somewhat the same," he added.

A poultry farmer in Seberang Prai, Ibrahim Marzuki, 40, said while the rainy spell brought higher production cost to poultry farmers, there was no shortage in supply.

"As chickens get sick easily, we

need to give them more vitamins to ensure they do not get sick.

"This causes a 20% spike in our cost but other than that, supply is sufficient and there is no worry of price hikes as the price of chicken is controlled.

"But even if supply at my farm is not enough, it is not a big problem as I can turn to other farms.

"We use the contract supply method with farms supporting one another to meet the demand," he said.

14/12/2020

THE
STAR

NATION

6

Blame it on unpredictable factors

Excess rain and lack of farmhands force producers to slash production

PETALING JAYA: The longer than usual rainy spell has caused the price of vegetables to soar, in some cases by over 100%, it was revealed. Federation of Malaysian Vegetable Farmers Association adviser Tan So Tiok said the wet weather started about a month earlier than usual.

He said the problem was further compounded by the lack of farmhands due to the closed border.

"Many of our foreign workers returned to their countries in February and haven't been able to come back since.

"With no farmhands and more rain, farmers have no choice but to slash production," he said, adding that prices of both local and imported vegetables have gone up by 30% to over 100% since two months ago.

Tan said water spinach and spin-



Vegetables and livestock: So Tiok (left) and Chee Hee.

ach priced at RM1 to RM2 per kg (wholesale) were now at RM4, with red chilli going for RM20 from between RM7 and RM8 before.

"The high price trend is expected to last until the weather pattern changes in January," he added.

The federation's president Lim Ser Kwee said long beans were being sold at RM7 per kg compared with about RM3 previously, and cucumber from RM2 per kg to between RM4 and RM5.

"Vegetable harvest has gone down by 40% at most farms. With bad weather and a lack of workers, prices of vegetables have been going up for months now.

"Consumers have no choice but to pay more for fresh vegetables during the year-end," he added.

Weighting in, Cameron Highlands Floriculturists Association president Lee Peng Fo said with fewer workers since early this year, many farmers have been growing less flowers.

He said the supply of flowers such as chrysanthemum, rose, car-

nation and sunflower have dropped by some 30%.

"Our problem got worse due to the shortage of workers," he said.

Meanwhile, the Federation of Livestock Farmers' Association of Malaysia assured that the prolonged wet spell will not affect the supply of poultry and eggs right up to Chinese New Year in February.

Its president Tan Chee Hee said farmers had enough production of day-old chicks (DOC), thus the production and supply of broiler chicken was stable.

He said the wet season would not affect livestock production.

"Farm managements will determine production cost. If they can care for their poultry, production won't be affected.

"We produce more than 100% of

broiler chickens in the market, so the supply of chicken and egg during the year-end festive season and Chinese New Year will be good even with the increase in demand during that period," he said yesterday.

He said although cost of production had increased between 20% and 30% recently following a price hike in corn and soybean animal feed, this will not affect livestock prices.

"The ex-farm sales price will be determined by demand and supply, which is picking up after interstate travel was allowed.

"Supply of eggs will not see any issue as well. We produce more than enough for the domestic market and Singapore," he said.

However, Tan said the shortage in foreign workers had a severe impact on the poultry sector.

Prices of greens up due to prolonged rain

IPOH: The prolonged rainy spell has severely impacted the production of vegetables at Cameron Highlands, causing prices of produce to go up.

Cameron Highlands Vegetable Growers Association secretary Chay Ee Mong said production has dropped by about 30% due to constant rainfall.

He said the weather had been extraordinary this year, citing frequent rainfall since April.

"Even if it isn't raining, the skies are overcast. A lot of crops, including fruits, are affected as there isn't enough sunlight for the photosynthesis process, which affects flowering and production."

"It's not just farmers at the highlands who are affected, it is also those in the lowlands," he said yesterday.

Based on past trends, he said the rainy weather usually cleared by early January.

"But we are facing such erratic weather these days that it's going to be hard to predict," he said.

According to the Malaysian Meteorological Department website, thunderstorms are expected to continue throughout the week in the area.

The minimum temperature forecasted is about 15°C while the highest could go up to 21°C.

Chay said on average, prices for most produce have gone up by between 40% and 50%.

"About 80% to 90% of the crops, including chillies and most leafy vegetables, have gone up."

"The price for cucumber went up the most, from about RM1.50 to between RM4 and RM5," he said.

"But as far as I know, the prices of



Green fields: Besides the rainy weather, a shortage of farmhands due to the pandemic makes matters worse for producers and consumers.

sweet potato and yam bean has dropped from between RM1 and RM2 to less than RM1.

"This is considered good given the low yield," he said.

Chay said besides the weather and impact of the movement control order, labour was another factor affecting production.

"Farms, including those that grow beans and chillies, need a lot of hands for planting," he said, adding that the freeze in recruitment

remained unchanged.

"Both harvesting and the market has been very slow. We don't expect prices to go up."

"The weather has been very bad and it rains almost daily," he said, adding that quality was also affected.

"Production has been impacted by about 60% to 70%. It just doesn't look good right now, especially with the Covid-19 pandemic," he added.

for foreign workers until the end of the year also impacted farmers.

Chay also said that it was expensive to import and there was no guarantee there would be supply.

"Big onions from India are quite hard to get due to a shortage caused by the Covid-19 pandemic and floods," he added.

Cameron Highlands Floriculturists Association president Lee Peng Fo said production at flower farms have been impacted but prices

14/12/2020

HARAKAH

TERENGGANU

H10

Kerajaan komited bantu nelayan - Dr Azman

Oleh HIDAYAH AZLIN dan
AWANG HARUN

SETU: Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perlindungan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, kerajaan Terengganu komited bagi memastikan golongan nelayan tradisional dilengkapi peralatan moden.

Ini kerana, katanya kegunaan peralatan moden seperti 'Global Policy and Strategy' (GPS) dan alat pencari ikan (fish finder) sudah menjadi keperluan asas yang wajib dimiliki para nelayan.

Menurutnya, peralatan moden yang bakal ditawarkan kepada nelayan di negeri ini adalah kadar mampu milik.

"Kita perlu berpijak di bumi nyata dan menyedari bahawa kos menyediakan sebuah kapal menangkap ikan berteknologi moden lengkap dengan kemudahan memproses ikan memerlukan belanjau yang sangat besar.

"Sekarang kami (kerajaan) bekerja untuk memastikan supaya semua nelayan dilengkapi dengan

Fokus kita sekarang ialah kepada lebih 6,000 orang nelayan berdaftar di Terengganu supaya isu-isu serta permasalahan yang berlegar seputar kehidupan mereka dapat ditangani

Exco Pertanian Terengganu, Dr Azman Ibrahim meninjau di kawasan nelayan pantai di Setu.



peralatan moden mampu milik seperti GPS dan fish finder walaupun mereka hanya ke laut dengan sampan enjin sangkut," ujarnya dalam satu kenyataan kepada Harakah, pada 9 Disember.

Menurutnya, terdapat beberapa syarikat telah datang mengemukakan cadangan bagi membina bot nelayan berteknologi moden.

Kata beliau, kerajaan ti-

dak menolak setiap cadangan yang baik, malah diahukan tetapi mesti melalui prosedur yang sepatutnya.

"Kita (kerajaan) sangat mengalu-alukan dan merdeka perlu melalui prosedur yang sepatutnya.

"Fokus kita sekarang ialah kepada lebih 6,000 orang nelayan berdaftar di Terengganu supaya isu-isu serta permasalahan yang berlegar seputar kehidupan mereka dapat ditangani se-

cepat berperingkat.

"Tberat kata, mendongak dan mengimpikan untuk menggapai bintang di langit tak sekali-kali melupakan kita kepada rumput di bumi," ujar klasannya.

Kedua, isu pencerobohan nelayan asing atau pukat tunda, dan ketiga, isu perlesenan nelayan," ujarnya.



Dr Azman... kerajaan komited bantu nelayan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/12/2020	KOSMO	K2	19



Menyelami
Hidup Anda

ISNIN 14.12.2020

Kosmo!

Ternakan kelah Kampung Lapan Jaya

KAMPUNG Lapan Jaya di Gus Musang, Kelantan boleh dianggap sebagai hubuk ternakan ikan kelah apabila di kampung tersebut terdapat pengusaha kelah paling berjaya di jajahan itu serta seorang pengusaha lain yang mencipta kelainan menternak kelah di dalam gua.



Rencana Utama

Oleh
AIMUNI
TUAN LAH

IKAN kelah yang terkenal dengan julukan Raja Sungai mempunyai nilai komersial tinggi apabila harganya boleh mencecah ribuan ringgit seekor.

Usaha penternakan ikan kelah menuntut para pengusahanya memberi komitmen tinggi dan penjagaan rapi.

Salah satu kawasan yang boleh dianggap sinonim dengan ternakan kelah ialah Kampung Lapan Jaya di Gua Musang, Kelantan sehingga tidak salah andai dikatakan populariti kampung itu melonjak kerana kejayaan ternakan kelah.

Kampung Lapan Jaya merupakan sebuah kampung agak kecil yang mempunyai banyak gua.

Seorang penternak di situ misalnya membuat kelainan apabila membela ikan kelah di dalam salah satu gua batu kapur di kampung itu sehingga membuahkan kejayaan.

Idea unik berkenaan kini menjadi sumber pendapatan kepadanya apabila kawasan itu menjadi tarikan orang ramai untuk melihat spesies ikan kelah yang berada di kawasan gua.

Bermula dengan hobi, Mohd. Saiful Basri Mat Yaakob, 44, yang tinggal di kampung itu telah memelihara ikan kelah sejak 10 tahun lalu.

Proses mengindahkan kawasan gua batu kapur yang diberi nama Gua Kambing itu memabitkan kos hampir RM100,000.

Mohd. Saiful Basri berjaya memelihara 5,000 ekor ikan kelah di dalam dan kaki gua yang berada lingkungan kawasan tanah miliknya seluas 0.8 hektar.

Menurut Mohd. Saiful Basri, usaha membina tempat pembiakan ikan kelah itu adalah sesuatu perkara yang mencabar.

Katanya, selain minat memelihara ikan, usaha itu dilakukan bagi mengelak populasi ikan kelah pupus.

"Bagi menambahkan lagi bilangan ikan kelah, saya turut membeli anak ikan berkenaan daripada Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman daerah atau jajahan ini.

"Saya turut memelihara 4,000 ikan jenis lain termasuk tilapia dan patin kerana permintaan tinggi daripada pembeli tempatan serta luar daerah ini.

"Saya gembira apabila ikan kelah yang dimerai sejak lapan tahun lalu telah mencapai berat antara lima hingga sembilan kilogram (kg) seekor," katanya.

Mohd. Saiful Basri berkata, walaupun ada permintaan harga yang tinggi terhadap ikan kelahnya tetapi dia tidak sanggup menjual kesemuanya kerana ingin menjadikannya sebagai tarikan agropelancongan di kawasanannya.

Katanya, kebanyakan pengunjung berminat melihat ikan kelah bersaiz besar kerana mereka suka melihatnya sejak kebelakangan ini termasuklah di kawasan sungai.

Sementara itu, seorang lagi penternak di kampung tersebut, Mat Nawi Husin, 61, atau mesra dengan panggilan Pok



MOHD. SAIFUL BASRI (kiri) bersama pekerjaannya menunjukkan ikan kelah yang dimerainya di kaki Gua Kambing, Kampung Lapan Jaya.

Kejayaan ternakan kelah di kampung banyak gua



POK WI (kanan) mengusahakan kolam ternakan ikan kelah dengan dibantu oleh anak-anaknya di Kampung Lapan Jaya, Gua Musang, Kelantan.

Wi boleh dianggap sebagai penternak ikan terbesar di Gua Musang dan begitu dikenali sebagai penternak kelah paling berjaya di daerah ini.

Pok Wi nekad meninggalkan kerjayanya sebagai kakitangan kerajaan untuk mengusahakan ternakan ikan,

Mengusahakan ternakan ikan sejak 30 tahun lalu, kini Pok Wi mempunyai ternakan hampir 100,000 ekor spesies ikan air tawar di lapan buah kolam.

Jumlah itu terdiri daripada 6,500 ekor ikan kelah, tilapia (45,000 ekor), patin (40,000 ekor), lampan (3,000 ekor)

dan tongsang (2,000 ekor).

Dengan bermodalkan RM5,000, Pok Wi memelihara 100 ekor ikan dengan mendapatkan bimbingan Jabatan Perikanan Negeri Kelantan.

Menurut Pok Wi, ikan kelah mencapai tahap matang selepas empat tahun dan harganya mampu mencecah ribuan ringgit seekor.

Kemahiran diwarisi anak

Katanya, bagi menghasilkan kelah yang berkualiti, ikan itu akan dilepaskan selama tiga bulan di kawasan kolam pembenihan ikan sebelum dipindahkan ke kolam utama.

Seawal usia lapan tahun, anak-anak Pok Wi telah diajar cara-cara memukat, memungkah serta menjaga ikan dengan dibantu isterinya, Siti Zaharah Daud.

"Saya lega apabila anak-anak banyak membantu proses mengambil ikan di dalam kolam sehingga kepada pembungkusan dan pengantaran ikan kepada pelanggan.

"Bagi meningkatkan jualan, saya turut mempromosikannya menerusi laman sosial, Facebook milik anak-anak.

"Selain itu, ramai pelanggan yang berkunjung ke rumah untuk memilih dan membeli ikan," katanya.

Pok Wi telah menurunkan pengalamannya dalam penternakan ikan air tawar kepada anaknya Ibrahim Mat Nawi, 25, yang sanggup berhent

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/12/2020	KOSMO	K2	21

INFO

Kampung Lapan Jaya

- Terletak dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Gales di Gua Musang
- Kira-kira 15 minit perjalanan dari Bandar Gua Musang
- Terletak di tepi jalan Gua Musang-Kuala Lipis berhampiran dengan Merapoh

kerja sebagai pegawai di sebuah bank di Kuala Lumpur sejak dua tahun lalu.

Ibrahim berkata, minatnya terhadap penternakan ikan air tawar semakin membesar apabila berjaya melakukan pembenihan dan penetasan anak ikan kelah.

"Saya berjaya melakukan penetasan ikan kelah dan menerima pujian pelbagai pihak terutamanya Jabatan Perikanan.

"Saya mendapat kemahiran melakukan pembenihan dan penetasan anak ikan kelah itu selepas mengikuti kursus sebanyak tiga kali di Pusat Latihan Jabatan Perikanan di Selangor, Negeri Sembilan dan Kelantan."

"Apabila pulang ke kampung, saya cuba mempraktikkan pembelajaran itu dan akhirnya berjaya melakukan pembenihan serta penetasan anak ikan kelah sendiri," katanya.

Ibrahim yang memiliki ijazah Perbankan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menukar hobi kepada ternakan ikan kelah kerana yakin masa depannya lebih terjamin.

Katanya, dia hanya bekerja sebagai pegawai bank dalam tempoh setahun setengah sebelum membuat keputusan berhenti walaupun mendapat tentangan hebat daripada rakan-rakan.

"Kos sara hidup tinggi di Kuala Lumpur dan gaji setiap bulan hanya cukup-cukup makan menyebabkan bapa saya memberi nasihat supaya berhenti kerja dan pulang ke kampung



POK WI dikelilingi ikan-ikan kelah yang terdapat di dalam salah satu daripada lapan kolam besar yang diusahakannya.



SEBANYAK 5,000 ekor ikan kelah setelah ikan-ikan lain diternak di dalam dan kaid gua batu kapur yang terletak di Kampung Lapan Jaya, Gua Musang.

bagi mewarisi perniagaan ternakan ikan kelah yang diusahakan.

"Saya bersyukur kerana mampu menjana pendapatan lebih besar kerana hasil jualan ikan kelah kini ialah RM200 sekilogram," katanya yang merupakan anak ketiga dari tujuh beradik.

Tambah Ibrahim, dia tidak mempunyai masalah mengambil alih tugas ternakan itu kerana sejak darjah satu lagi dia bersama adik-beradik yang lain sudah didedahkan dengan dunia ternakan ikan.

"Boleh dikatakan setiap hari saya ikut bapa ke kolam ikan untuk membersihkan kolam, memberi makanan dan menangkap ikan untuk dijual.

"Saya juga yakin ikan kelah di kolam akan bertambah selepas ini kerana saya sudah mempunyai lebih banyak kelengkapan bagi proses pembenihan dan penetasan anak ikan kelah," ujarnya.

Berpotensi untuk dikomersialkan seperti santuari



PENGUNJUNG tertarik dengan ketenangan yang ditawarkan di Gua Kambing sambil melihat ikan-ikan kelah.

KEWUJUDAN tempat penternakan ikan kelah di Kampung Lapan Jaya antaranya di kawasan gua mampu menambah senarai destinasi pelancongan di Gua Musang yang mampu menarik tumpuan pengunjung tempatan dan luar.

Ikan kelah di gua batu kapur antara lokasi cukup menenangkan kerana dikelilingi alam semula jadi yang masih kekal terpelihara.

Seorang penduduk, Hasnah Deraman, 48, berkata, sebelum ini dia terpaksa pergi ke santuari kelah atau Taman Negara untuk melihat ikan kelah.

Katanya, kini dia tidak lagi perlu pergi jauh dan berbelanja besar untuk melihat ikan kelah.

"Ketika ini agak sukar untuk melihat ikan kelah yang agak besar dan berat seperti di Kampung Lapan Jaya.

"Pemilik kolam ini juga tidak mengenakan bayaran untuk orang ramai melihat ternakan ikan kelah di kolam miliknya," katanya.

Seorang lagi pengunjung, Amran Mamat, 47, berkata, dia belum pernah melihat penternakan ikan kelah dalam gua yang diusahakan seperti penduduk



HASNAH

kampung tersebut.

Katanya, kawasan kampung itu berpotensi untuk dikomersialkan setanding santuari di Tasik Kenyir.

"Kita berharap kawasan ini dapat diperkenalkan dengan lebih meluas oleh agensi kerajaan sebagai tarikan baharu di Gua Musang. Selain dapat melihat ikan kelah, kita juga boleh membelinya untuk dibawa pulang," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/12/2020	HARIAN METRO	LOKAL	8

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Walaupun masih boleh turun ke laut seperti biasa untuk mencari rezeki, tetapi pandemik Covid-19 sedikit sebanyak menyebabkan nelayan terpaksa mengambil tempoh agak lama berunding sebelum ini untuk menjual hasil ikan.

Nelayan, Puteh Awang, 66, berkata rutin hariannya masih sama seperti sebelum Covid-19 melanda negara apabila akan turun ke laut selepas Subuh dan pulang ke Pelantar Nelayan Kubang Rotan, Kedah sekitar jam 11 pagi.

Menurutnya, sebelum ini ketika Perintah

Nelayan terkesan dilambung Covid-19

Bantuan sara hidup RM250 setiap bulan jadi penyelamat bagi golongan terut berdepan masalah untuk jual hasil tangkapan

Kawalan Pergerakan (PKP), dia hanya duduk di rumah kerana tidak dapat turun ke laut menangkap ikan.

"Ketika itu saya terpaksa berjinmat-cermat dan menggunakan wang

simpanan, tetapi bernasib baik kerana menerima wang sara hidup RM250 setiap bulan.

"Wang itulah yang digunakan bagi membeli barangan keperluan bagi menampung kehidupan," katanya

kepada Harian Metro.

Puteh berkata, pendapatannya berkurangan ketika daerah Kota Setar dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) apabila orang luar tidak dibenarkan masuk untuk membeli hasil tangkapan ikannya.

"Namun, sekarang saya sedikit bersyukur kerana

sudah dibenarkan turun ke laut selain orang luar sudah dapat datang ke pelantar ini untuk membeli ikan.

"Cumanya berbeza kerana hasil jualan seberat 20 kilogram memakan masa agak lama sekitar tiga hingga ke empat jam baru habis kerana perlu mematuhi SOP (prosedur operasi standard)," katanya.

Katanya, jika dahulu tiada had untuk orang datang ke pelantar ini, namun mereka perlu menghadkan kedatangan dalam sesuatu masa ketika ini bagi mengelak berlaku kesesakan, sekaligus mematuhi penjarakan fizikal.

"Tambahan sekarang ini musim tengkujuh memang hasil tangkapan akan berkurangan.

"Walaupun pendapatan tidak menentu sekarang, namun mujur ada bantuan daripada kerajaan kepada nelayan di mana wang bantuan setiap bulan itulah digunakan untuk menampung kehidupan.

"Golongan nelayan juga terpaksa mengamalkan kehidupan norma baharu ini dan berharap negara ini akan bebas dari Covid-19 nanti," katanya.

"Hasil jualan seberat 20kg makan masa agak lama untuk dijual"
Puteh Awang

GOLONGAN nelayan antara paling terkesan akibat hambatan akibat Covid-19

